



AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI

## KENYATAAN MEDIA

16 Disember 2022

### SITUASI SEMASA

Sehingga jam 4.00 petang, 16 Disember 2022, bilangan negeri yang terkesan banjir **meningkat** kepada enam (6) di mana tujuh (7) daerah di negeri Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor dan Sarawak terjejas. Seramai 2304 orang mangsa daripada 709 Ketua Isi Rumah (KIR) direkodkan berada di 15 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Jumlah ini menunjukkan **sedikit pengurangan** berbanding laporan jam 7.00 pagi di mana terdapat 2377 mangsa daripada 728 KIR berlindung di 16 PPS seluruh negara. Terdapat dua (2) buah PPS telah ditutup dan satu (1) buah PPS telah dibuka secara keseluruhan pada hari ini. PPS yang ditutup tersebut terletak di di daerah Hilir Perak (Dewan SMART Batu 4) dan Kampar (DOR Kg Tebing Tinggi Malim Mawar). Manakala sebuah PPS dibuka di Serian (Dewan Kampung Melayu Balai Ringin).

Menurut Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), sehingga jam 4.00 petang ini terdapat **satu (1)** sungai di mana bacaan air berada ditahap **bahaya** iaitu;

- i. Sg. Keratong at Jalan Kota Bahagia, Rompin, Pahang

Selain itu, terdapat **enam (6)** sungai di mana bacaan air berada ditahap **amaran** iaitu;

- i. Long Teru, Miri, Sarawak
- ii. Sungai Similajau, Bintulu, Sarawak
- iii. Sg. Triang di Triang, Bera, Pahang
- iv. Sg. Pahang di Paloh Inai, Pekan, Pahang
- v. Sg. Tumpat di Kg. Baru Kemasik, Kemaman, Terengganu
- vi. Sg. Golok di Rantau Panjang, Pasir Mas, Kelantan

MET Malaysia pada jam 3 petang, 16 Disember 2022, telah mengeluarkan Ramalan Cuaca Signifikan. Berdasarkan analisis dijangka memasuki rantau negara mulai 17 Disember 2022 yang berpotensi membawa angin kencang, ombak besar serta hujan berterusan di negeri-negeri timur Semenanjung dan timur Sabah dalam tempoh **17-20 Disember 2022**.

Sehubungan itu, MET Malaysia mengeluarkan Amaran Hujan Berterusan yang melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor berkuatkuasa daripada 17 sehingga 20 Disember 2022. Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora bagi perairan Laut China Selatan juga telah dikemaskini berkuatkuasa sehingga 22 Disember 2022.

## **RUJUKAN MAKLUMAT BENCANA**

Penduduk terutamanya di kawasan yang dijangka banjir diminta berwaspada dan peka dengan arahan pihak berkuasa. Sila dapatkan maklumat dan amaran semasa melalui laman web <http://publicinfobanjir.water.gov.my>, facebook: [PublicInfoBanjir](#) dan twitter [@JPS InfoBanjir](#). Bagi maklumat cuaca, orang ramai boleh muat turun aplikasi myCuaca di Google Play dan App Store untuk maklumat cuaca yang terkini dan sahih dari MET Malaysia.

Masyarakat diingatkan untuk peka serta patuh kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan segera berpindah sekiranya diarahkan (info lanjut: <https://publicinfobanjir.water.gov.my>). Peka amaran bencana agar sentiasa bersiapsiaga. Pastikan anda rujuk maklumat terkini dari sumber yang sahih.

Pengguna jalan raya diminta untuk sentiasa peka dengan amaran dan rujuk maklumat bencana sebelum memulakan perjalanan. Untuk makluman dan pertanyaan, orang ramai boleh hubungi Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) JKR di talian 03-26107727 atau rujuk laman web <http://bencanaalam.jkr.gov.my> atau twitter [@CSFJ\\_JKR](#).

*Kesiapsiagaan Bencana Tanggungjawab Bersama*


**Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)**

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat

# MAKLUMAT TAMBAHAN



**LAPORAN TERKINI KEJADIAN BENCANA  
DI SELURUH NEGARA**  
(pada jam 4:00 PM, 16 Disember 2022)



**MAKLUMAT KESELURUHAN MANGSA DAN KELUARGA**

Bil. Keluarga Keseluruhan	: 709	Bil. Keseluruhan Negeri	: 6 Negeri
Bil. Mangsa Keseluruhan	: 2304	Bil. Keseluruhan Daerah	: 7 Daerah Aktif
		Bil. Keseluruhan Pusat Pemindahan	: 15 PP Aktif
		Bil. Pusat Pemindahan Ditutup	: 1

**RAMALAN CUACA SIGNIFIKAN**

**RAMALAN CUACA SIGNIFIKAN**

Berdasarkan analisis model-model cuaca, luruan monsun dijangka memasuki rantau negara mulai 17 Disember 2022 yang berpotensi membawa angin kencang, ombak besar serta hujan berterusan di negeri-negeri timur Semenanjung dan timur Sabah dalam **tempoh 17 - 20 Disember 2022**.

Sehubungan itu, MET Malaysia mengeluarkan Amaran Hujan Berterusan yang melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor berkuat kuasa daripada 17 sehingga 20 Disember 2022.

Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora bagi perairan Laut China Selatan juga telah dikemaskini berkuat kuasa sehingga 22 Disember 2022.

Orang awam adalah dinasihatkan untuk sentiasa merujuk laman web **www.met.gov.my** dan semua media sosial serta memuat turun aplikasi **myCuaca** bagi maklumat yang terkini dan sahih.

Dikemaskini : 16 Disember 2022, pada 3.00 petang